

# Penjajah beri rumah kerani kepada Tunku

B.H m/s 11 9.2.07

## Wawancara khas 1985 dedah kegetiran Bapa Kemerdekaan

Oleh Anwar Hussin

**K**UALA LUMPUR: Layanan British terhadap Tunku Abdul Rahman ketika mula memegang jawatan Ketua Menteri selepas pilihan raya pertama pada 1955 sebagai 'menyedihkan' apabila penjajah hanya mahu memberikannya 'rumah kerani'.

Dalam temuramah dengan Filem Negara Malaysia pada 1985 tetapi kali pertama disiarkan menerusi RTM1 malam tadi, Tunku berkata:

"Akhirnya, mereka memberi rumah bekas Menteri Besar, tetapi pada satu malam hujan lebat dan ia bocor teruk. Jadi malam itu saya bersumpah, untuk menuntut merdeka dalam masa dua tahun dan bukan lagi empat tahun seperti saya janjikan sebelum ini."

Dalam wawancara 28 minit, lima tahun sebelum beliau mangkat, Perdana Menteri Pertama itu mengimbau perjuangan Umno menuntut kemerdekaan melalui proses demokrasi dan tidak mengikut jejak langkah Parti Komunis Malaysia (PKM) yang berjuang menggunakan senjata dan menumpahkan darah.

Katanya, Umno mengambil sikap berani menuntut pilihan raya bagi



**“***Pada satu malam hujan lebat dan rumah bocor teruk. Malam itu saya bersumpah, untuk menuntut merdeka dalam masa dua tahun dan bukan lagi empat tahun seperti saya janjikan sebelum ini”*

**Tunku Abdul Rahman**  
Perdana Menteri Pertama

membentuk kerajaan sendiri serta mengancam menghentikan kerjasama dengan Kerajaan British sekiranya permintaan itu tidak dipersetujui.

Katanya, perjuangan Umno mula mendapat sokongan rakyat apabila slogan merdeka menjadi pernyataan hasrat dan cita-cita yang menjadi pembakar semangat.

"Pihak British mula berasa ter-

gugat dengan angin perubahan yang melanda Tanah Melayu," katanya.

Tunku berkata, Perikatan mengambil keputusan menghantar rombongan ke London bagi menemui Setiausaha Tanah Jajahan Takluk British, Oliver Littleton dan ahli Parlimen British untuk menjelaskan kedudukan sebenar dan tuntutan rakyat umum.

Beliau berkata, pihak British cuba memujuknya menerima persetujuan supaya 52 anggota dipilih melalui pilihan raya manakala 46 lagi dilantik.

Bagaimanapun, Tunku yang kembali ke tanah air dan mengadakan mesyuarat meja bulat di rumah Tun H S Lee, membantah cadangan itu.

Malah, katanya, Perikatan mengancam tidak bekerjasama dengan kerajaan bagi mengajar penjajah bahawa Perikatan dan Umno tidak akan berganjak daripada prinsip asal iaitu menjadi pemerintah di negara sendiri.

Persetujuan dengan British membawa kepada pilihan raya pertama Tanah Melayu pada 27 Julai, 1955 yang mana Perikatan menguasai 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan, sekali gus membentuk Kabinet pertama Perikatan dengan Tunku sebagai Ketua Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Tunku turut mengimbau kegagalan Rundingan Baling pada 1955 dan pertemuan dengan Setiausaha Agung PKM, Chin Peng yang pada mulanya tidak direstui British serta pelbagai pergolakan yang dilaluinya dalam perjalanan menuntut kemerdekaan.